

TENTANG LAPORAN INI

Laporan Tahunan Bersepadu (LTB atau Laporan) Kedua Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ini bertujuan untuk memberikan pengenalan dan pemahaman tentang prestasinya untuk tahun kalendar 2022 (1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022).

TUJUAN

Pada tahun kedua penerbitannya, Laporan ini bertujuan memberikan gambaran tentang prestasi KWSP bagi tahun kalendar 2022 (1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022). Laporan ini menggariskan inisiatif KWSP untuk melindungi dan mempertingkatkan dana persaraan ahli.

Sepanjang tahun 2022, KWSP kekal komited dalam perjalanan Pelaporan Bersepadu (IR), dengan objektif untuk mempertingkatkan prosedur pelaporannya. Untuk mencipta nilai sepanjang jangka masa pendek, sederhana dan panjang, ia komited untuk menyediakan penilaian yang lebih telus dan teliti tentang strategi, tadbir urus, prestasi dan prospeknya dalam persekitaran luaran yang lebih meluas. Selain dari aspek pelaporan ini, KWSP berdedikasi untuk membantu ahli memperoleh masa hadapan yang lebih stabil menerusi fokus berterusan terhadap menyampaikan perkhidmatan cemerlang, memperkukuh daya tahan pelaburan dan menghayati amalan lestari untuk manfaat semua pihak berkepentingannya dalam jangka masa panjang.

SKOP

KWSP ialah badan berkanun persekutuan di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan (MoF) dan diberi mandat untuk menguruskan simpanan persaraan tenaga kerja di Malaysia mengikut Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Prestasi kewangan dan bukan kewangan KWSP pada tahun 2022 merangkumi operasi serta prospeknya untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang diliputi secara mendalam dalam Laporan ini. Laporan ini berfungsi menyediakan maklumat yang jelas dan komprehensif tentang proses penciptaan nilai KWSP kepada pihak berkepentingan secara telus dan holistik.



MAKLUM BALAS

KWSP memberi tumpuan untuk membina keyakinan dan hubungan telus dengan pihak berkepentingannya. Sekiranya anda mempunyai maklum balas dan/atau pertanyaan mengenai kandungan Laporan ini, sila hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP di talian +603 8922 6000 atau www.kwsp.gov.my.

Tel: +603 8922 6000

Web: www.kwsp.gov.my

▶ RANGKA KERJA PELAPORAN

Laporan ini dan penyata-penyata kewangan telah disediakan mengikut:

- Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu (IR) International Integrated Reporting Council (IIRC);
- Akta KWSP 1991;
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS);
- Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS); dan
- Piawaian Inisiatif Pelaporan Global (GRI).

▶ PERNYATAAN LEMBAGA

Ahli Lembaga KWSP bertanggungjawab ke atas integriti Laporan ini dan mendapati bahawa kandungan Laporan ini adalah berdasarkan fakta dan melaporkan prestasi KWSP dengan wajar bagi tahun 2022.

▶ KENYATAAN PANDANGAN KE HADAPAN

Prestasi perniagaan dan kewangan KWSP dibentangkan dalam laporan ini sebagai kenyataan pandangan ke hadapan yang melibatkan risiko dan ketidakpastian yang berkaitan dengan kejadian dan keadaan masa hadapan yang mungkin berlaku atau tidak. Semua kenyataan pandangan ke hadapan yang digariskan dalam Laporan ini adalah berdasarkan kedudukan semasa KWSP, unjuran halatuju dan maklumat yang tersedia pada masa ini.

▶ PETUNJUK DAN IKON

Enam Modal

- MK** Modal Kewangan
- MI** Modal Insan
- MP** Modal Pembuatan
- SH** Modal Sosial dan Hubungan
- MIT** Modal Intelektual
- MSJ** Modal Semula Jadi

Pihak Berkepentingan

- S1** Ahli
- S2** Lembaga, Panel Pelaburan dan Jawatankuasa Penasihat Syariah
- S3** Kerajaan dan Badan Kawal Selia
- S4** Majikan
- S5** Kakitangan KWSP
- S6** Syarikat Penerima Pelaburan
- S7** Rakan Niaga
- S8** Komuniti Tempatan

Perkara Material

- M1** Prestasi Kewangan
- M2** Pengalaman Pelanggan
- M3** Pelaburan Lestari
- M4** Ketelusan dan Etika Perniagaan
- M5** Pengaruh Pasaran
- M6** Pengurusan Pembekal
- M7** Polisi Awam
- M8** Komuniti Tempatan
- M9** Kesihatan dan Keselamatan
- M10** Pengurusan Modal Insan
- M11** Privasi dan Keselamatan Data Pelanggan
- M12** Komunikasi dan Maklumat
- M13** Ketahanan Menghadapi Bencana Alam
- M14** Pengurusan Sumber Asli

● Ekonomi ● Sosial ● Persekitaran Alam